

BORANG 4B

(Hendaklah dibuat dengan menggunakan Letter Head Bank/Institusi Kewangan)

Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam
No. 9, Kompleks Kementerian Kewangan
Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA

Bill. Tuan:

Bil. Kami:

Tarikh:

Tuan,

SURAT PENOLAKAN TUNTUTAN KEPENTINGAN (DISCLAIMER OF INTEREST) DARIPADA PEMEGANG GADAIAN

Nama Pembeli/Pemohon

(1)

No. Kad Pengenalan Baru: Lama:

(2)*

No. Kad Pengenalan Baru: Lama:

Butir-butir harta: (Seperti dalam Perjanjian Jual-Beli)

No. Hakmilik Induk No. Lot/PT/Plot

No. Bangunan/Tingkat/Petak Lokasi/Blok/Seksyen

Mukim Daerah/Bangunan

Negeri Amaun Wang Tebusan RM

..... No.

Akaun:

1. Kami dengan ini bersetuju untuk menerima wang tebusan yang tersebut di atas. Sekiranya Kami sebagai pemegang gadaian mengambil tindakan untuk menjual harta tersebut yang di cagarkan kepada Kami, Kami berjanji dan bersetuju untuk memulangkan kepada tuan segala wang tebusan yang di bayar oleh Tuan kepada Kami.

2. Bahawa dengan penerimaan wang tebusan dengan sepenuhnya, Akujanji ini untuk memulangkan terhenti dan yang berikut hendaklah terpakai:-

- 2.1 Bahawa walaupun kepentingan kami di atas cagaran yang ada sekarang. Kami hendaklah dengan penerimaan wang tebusan terhadap hartanah/lot berkenaan, tiada lagi mempunyai apa-apa hak atau kepentingan untuk menuntut di atas hartanah/lot berkenaan.
- 2.2 Dengan penerimaan wang tebusan tersebut oleh Kami, hartanah/lot berkenaan hendaklah tidak lagi menjadi perkara kepada cagaran Kami dan hendaklah di lepaskan seterusnya.
- 2.3 Tertakluk kepada penerimaan wang bayaran tebusan sepenuhnya, Kami bersetuju untuk melaksanakan pelepasan cagaran bagi hartanah/lot tersebut di atas sebaik sahaja hakmilik strata/berasingan di keluarkan pada Pihak Berkuasa berkenaan.
- 2.4 Sekiranya pelepasan cagaran tidak boleh di daftarkan. Kami berjanji dan bersetuju untuk mengembalikan kepada **Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (Lembaga)** kesemua wang tebusan, tanpa faedah yang telah di bayar bagi hartanah/lot berkenaan dan setelah penerimaan wang tebusan itu oleh **Lembaga**, maka kaveat pendaftar yang di masukkan hendaklah di batalkan. Dengan syarat selalunya, setelah Kami menerima bayaran wang tebusan dengan sepenuhnya, dan bilamana Kami sebagai pemegang gadaian kepada tanah yang di cagarkan oleh Pemaju, akan di jual oleh Kami maka Kami berjanji dan bersetuju untuk mengeluarkan atau mengecualikan hartanah/lot berkenaan di atas daripada jualan tersebut.
- 2.5 Sekiranya apa-apa prosiding halang tebusan di ambil oleh Kami sebagai Pemegang Gadaian, Kami berjanji dan bersetuju untuk mengecualikan harta berkenaan di atas dari prosiding halang tebus tersebut. Dengan syarat seterusnya, jika kaveat telah di masukkan oleh Tuan atas hartanah tersebut ataupun sebahagian daripadanya, Tuan bersetuju dan berjanji untuk memberi persetujuan bertulis untuk tujuan pembatalan atau pengecualian kaveat tersebut mengikut mana yang berkenaan dalam tempoh 30 hari daripada penerimaan Notis Bertulis yang di serahkan dan di akui terima oleh **Lembaga**.

3. Kami memberi akujanji untuk memulangkan kepada Tuan segala wang tebusan sekiranya untuk apa-apa sebab pelepasan cagaran Kami bagi harta tersebut tidak boleh di daftarkan dengan syarat hakmilik strata/individu tersebut di kembalikan kepada Kami.

Yang Benar,

.....
(Tandatangan, Nama Pegawai Bank/Institusi Kewangan)

.....
(Jawatan dan Cop Rasmi Bank/Institusi Kewangan)

* Untuk di isikan oleh peminjam/penerima biaya/pembeli, jika harta di atas dua nama